



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PREDIKTOR KEFUNGSIAN KELUARGA BERISIKO YANG
MEMPUNYAI ANAK REMAJA RESILIEN**

HANINA HALIMATUSAADIAH HAMSAN

FEM 2002 8

**PREDIKTOR KEFUNGSIAN KELUARGA BERISIKO YANG
MEMPUNYAI ANAK REMAJA RESILIEN**

Oleh

HANINA HALIMATUSAADIAH HAMSAN

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk
Ijazah Master Sains**

Mei 2002



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**PREDIKTOR KEFUNGSIAN KELUARGA BERISIKO YANG
MEMPUNYAI ANAK REMAJA RESILIEN**

Oleh

HANINA HALIMATUSAADIAH HAMSAN

Mei 2002

Pengerusi: Profesor Madya Rozumah Baharudin, Ph.D.

Fakulti: Ekologi Manusia

Kajian ini bertujuan untuk menentukan faktor penyumbang unik kefungsi keluarga berisiko yang mempunyai anak remaja (11-18 tahun) resilien. Responden (n= 115) merupakan subsampel ibu kepada remaja (berusia 11 hingga 18 tahun) resilien daripada kajian IRPA (*Intensification Research for Priority Areas*) bertajuk 'Ekologi Keluarga Berisiko: Proses Interaksi dan Perkembangan Resiliensi Anak' (Rumaya, Rozumah & Rojanah, 2000). Lokasi kajian adalah beberapa buah daerah di negeri Johor, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Kedah. Data telah dikumpulkan secara temubual bersemuka menggunakan borang soal selidik.



Kefungsian keluarga telah diukur menggunakan 'Family Assesment Device' (Epstein, Baldwin dan Bishop, 1983). Kualiti tingkahlaku keibubapaan telah diukur menggunakan skala 'Parent's Report' (Dibble dan Cohen, 1974) yang telah diadaptasi oleh pengkaji mengikut kesesuaian budaya tempatan. Kualiti perkahwinan ibu pula diukur menggunakan dua skala iaitu 'Kansas Marital Satisfaction Scale' (Schumm, 1986; Rumaya, 1997) dan 'Conflict Tactic Scale' (CTS) oleh Straus (1979).

Hasil analisis menunjukkan: 1). Hampir separuh (47.8%) daripada responden yang dikaji mempunyai tahap kefungsian keluarga yang tinggi (purata = 124.78, sp.= 15.21), 2). Kebanyakan (54.8%) responden ibu mempunyai tahap kepuasan perkahwinan yang tinggi, 3). Hampir separuh (46.6%) daripada responden ibu yang dikaji mempunyai tahap pengurusan konflik dan, 5). Kualiti tingkahlaku keibubapaan yang (50.0%) tinggi.

Hasil analisis korelasi Pearson menunjukkan faktor sosio-budaya mempunyai perkaitan yang signifikan dengan kefungsian keluarga. Ibu yang mempamerkan tingkahlaku keibubapaan ibu yang berkualiti ($r=.36$, $p\leq.001$), kepuasan perkahwinan ($r= .40$, $p\leq.001$) dan kemahiran pengurusan konflik ($r= .29$, $p\leq.01$) yang tinggi didapati mempunyai keluarga berkefungsian tinggi.

Hasil analisis regresi berganda pula menunjukkan kualiti tingkahlaku keibubapaan ($\beta = .20, p \leq .05$) dan kepuasan perkahwinan ibu ($\beta = .28, p \leq .05$) mempunyai perkaitan yang signifikan ($F = 10.66, p \leq .001$) dengan kefungsian keluarga yang dikaji. Ini bermakna apabila variabel penentu ini dikawal secara statistik, kualiti tingkahlaku keibubapaan dan kepuasan perkahwinan yang tinggi mendorong keluarga berisiko kepada berkefungsian berkesan. Justeru, kajian ini mengimpkasikan bahawa persekitaran sosio-budaya merupakan penyumbang dalam merangka program untuk meningkatkan kefungsian keluarga berisiko dan perkembangan resiliensi remaja.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia
in fulfillment of the requirements for the degree of Master of Science

**PREDICTORS OF FAMILY FUNCTIONING AMONG AT RISK
FAMILIES WITH RESILIENT ADOLESCENT**

By

HANINA HALIMATUSAADIAH BTE HAMSAN

May 2002

Chairman: Associate Professor Rozumah Baharudin, Ph.D.

Faculty: Human Ecology

The purpose of the study is to determine the predictors of family functioning among at risk's families with resilient adolescents. Respondents (n=115) were malay mothers with high resilient adolescents identified from an IRPA's study (Intensification of Research in Priority Areas) entitled 'The ecology at Risk Families: Interactional Processes and Children's Resiliency'. This study includes several districts in Johor, Selangor, Kuala Lumpur and Kedah. Mothers were interviewed face-to-face by trained enumerators using a structured questionnaire.

The family functioning was assessed using 'Family Assessment Device' (Epstein, Baldwin and Bishop, 1983). Quality of Parenting Behavior was measured using an adapted version of the 'Parent's Report Scale' by Dibble and Cohen (1974). Marital quality was



assessed using the 'Kansas Marital Satisfaction' Scale' (Schumm, 1996; Rumaya, 1997) and 'Conflict Tactics Scale' (CTS) by Straus (1979).

Quantitative analyze show that: 1). Almost half of the respondents (47.8%) came from families with high level of functioning (mean= 124.78, s.d.=15.21), 2). Most of the respondents have high levels of parental behavior (50.0%), 3). Marital satisfaction (54.8%), and 4). Conflict management skills (46.6%).

Correlation analyses showed significant relationships between the socio-culture variables and family functioning. Mothers with high levels of parenting behavior ($r = .36$, $p \leq .001$), marital satisfaction ($r = .40$, $p \leq .001$), and conflict tactic management skills ($r = .29$, $p \leq .001$) have better family functioning than other mothers in the study. Multiple regression analyses indicated that maternal behavior ($\beta = .20$, $p \leq .05$) and marital satisfaction ($\beta = .28$, $p \leq .05$) are significant predictors of at-risks family functioning with resilient adolescents ($F = 10.66$, $p \leq 0.001$). The findings indicate that when these predictor variabls were sttistically controlled, higher parenting quality and marital satisfaction trigger out at-risk families towards effective functioning. The implications of the socio-cultural environments are of



import in designing programs for fostering the functioning of at-risk families and adolescents resiliency.



PENGHARGAAN

Segala pujian hanya kepada ALLAH; pemberi nikmat yang Maha Kaya. Kejayaan ini tidak mungkin tercapai tanpa keizinan dari-Nya. 'TERIMA KASIH ATAS NIKMAT-MU INI'.

Kepada yang teristimewa; Profesor Madya Dr. Rozumah Baharudin. Segala didikkan, nasihat kepakaran serta peluang yang diberikan sama ada dalam bidang penyelidikan, penulisan dan aktiviti pengajaran amat bermakna bagi diri ini sebagai insan yang sentiasa dahagakan ilmu. 'TERIMA KASIH GURUKU'.

Kepada Dr. Rumaya Juhari; selaku Ketua Projek IRPA 'The Ecology At Risk Families: Interactional Processes And Children's Resiliency' yang membenarkan saya menggunakan sebahagian daripada data projek tersebut untuk kajian ini. Juga kepada Dr. Asnarulkhadi Abu Samah dan Pn. Rojanah Kahar di atas segala bantuan, bimbingan nasihat dan sokongan yang telah diberikan sepanjang penyelidikan ini dijalankan.

Kepada En. Subari sekeluarga yang telah sudi menerima saya sebagai anak angkat mereka semasa pengumpulan data di Sabak

Bernam, Selangor. Juga kepada ibu dan remaja yang telah memberikan kerjasama sebagai responden kajian ini.

Kepada permata hati; ayahanda, bonda, semua adinda, kekanda, ananda saudara serta Ja'afar Adnan. 'KEHADIRAN KALIAN PELENGKAP SISTEM HIDUPKU'.

Kepada sahabat seperjuangan; Normadiniatul Shida Mohd. Haidin. Kita telah mencipta kenangan dan pengalaman yang terlalu mahal nilainya dalam hidup ini. 'SEMOGA PERSAHABATAN BERKEKALAN'.

Tidak lupa juga kepada yang banyak memberikan perangsang untuk terus maju; Cik Suzana Mohd. Hoesni dan Dr. Khaidzir Hj. Ismail. Jasa kalian amat bererti dalam perjalanan kehidupan saya ini. Semoga segala bantuan yang telah diberikan mendapat perhatian dan ganjaran daripada Allah s.w.t.

'TERIMA KASIH SEMUA'

HANINA HALIMATUSAADIAH BTE HAMSAN



Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan ijazah Master Sains. Anggota Jawatankuasa Penyelia adalah seperti berikut:

Rozumah Baharudin, Ph.D

Profesor Madya/Timbangan Dekan (Akademik)
Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Rumaya Juhari, Ph.D

Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Asnarulkhadi Abu Samah, Ph.D

Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Rojanah Kahar, MCL

Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

AINI IDERIS, Ph.D.

Profesor/Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:



SENARAI KANDUNGAN

Mukasurat

ABSTRAK	ii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	ix
PENGESAHAN	xi
PENGAKUAN	xiii
SENARAI JADUAL	xvii
SENARAI RAJAH	xviii

BAB

1	PENDAHULUAN	
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Kenyataan Masalah	7
1.3	Kepentingan Kajian	8
1.4	Objektif kajian	9
	1.4.1 Objektif Am	9
	1.4.2 Objektif Khusus	10
1.5	Hipotesis Kajian	10
1.6	Kerangka Kerja Konsepsual Kajian	12
	1.6.1 Teori Ekologi Pembangunan Manusia	12
	1.6.2 Teori Struktur-Kefungsian	15
1.7	Definisi Istilah	19
	1.7.1 Keluarga Berisiko	19
	1.7.2 Ciri Personal Ibu	19
	1.7.3 Ciri Personal Anak	19
	1.7.4 Kualiti Tingkahlaku Keibubapaan Ibu	20
	1.7.5 Kepuasan Perkahwinan	20
	1.7.6 Kemahiran Pengurusan Konflik	20
	1.7.7 Kefungsian Keluarga	20
	1.7.8 Remaja Resilien	21
1.8	Limitasi Kajian	21
2	DEFINISI KONSEP DAN ULASAN KARYA TERPILIH	
2.1	Konsep Resiliensi	24
2.2	Kefungsian Keluarga	28
2.3	Kualiti Tingkahlaku Keibubapaan Ibu	31
2.4	Kualiti Perkahwinan Ibu	36
2.5	Rumusan	38



3	METODOLOGI	
3.1	Rekabentuk Kajian	42
3.2	Lokasi Kajian	44
3.3	Persampelan	44
3.4	Pengumpulan Data	45
3.5	Pengukuran Angkubah	47
	3.5.1 Angkubah Bebas	47
	3.5.2 Angkubah Sandar	51
3.6	Ujian Reliabiliti Skala	56
3.7	Pengurusan dan Analisis Data	57
	3.7.1 Data Kuantitatif	57
	3.7.2 Data Kualitatif	76
4	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
4.1	Ciri Personal Ibu	79
4.2	Ciri Personal Anak	82
4.3	Tahap Kefungsian Keluarga Berisiko yang Mempunyai Remaja Resilien	88
4.4	Tahap Faktor Sosio-budaya Keluarga	94
	4.4.1 Kualiti Tingkahlaku Keibubapaan Ibu	94
	4.4.2 Kepuasan Perkahwinan Ibu	98
	4.4.3 Kemahiran Pengurusan Konflik	100
4.5	Perkaitan di antara Ciri Personal Ibu dengan Tahap Kefungsian Keluarga di Kalangan Keluarga Berisiko	102
4.6	Perkaitan di antara Ciri Personal Anak dengan Kefungsian Keluarga di Kalangan Keluarga Berisiko	105
4.7	Perkaitan di antara Faktor Sosio-Budaya dengan Kefungsian Keluarga Berisiko.	107
4.8	Prediktor Kefungsian Keluarga di Kalangan Keluarga Berisiko yang Mempunyai Remaja Resilien	109
4.9	Rumusan Hasil Kajian	112
5	RUMUSAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	
5.1	Rumusan Kajian	114
5.2	Kesimpulan Kajian	120
5.3	Implikasi Kajian	124
5.4	Cadangan Untuk Kajian Akan Datang	126

BIBLIOGRAFI	128
LAMPIRAN	
A Borang Soalselidik	136
BIODATA	149



SENARAI JADUAL

Jadual		Mukasurat
3.1	Nilai alpha bagi skala-skala angkubah bebas dan angkubah sandar	56
3.2	Ujian normaliti	62
4.1	Ciri personal ibu	80
4.2	Persepsi ibu tentang keistimewaan anak yang dikaji berbanding anak yang lain	85
4.3	Kefungsian keluarga berisiko	89
4.4	Faktor yang mempengaruhi kefungsian keluarga berisiko	92
4.5	Kualiti tingkahlaku keibubapaan ibu	95
4.6	Kepuasan perkahwinan ibu	105
4.7	Kemahiran pengurusan konflik	100
4.8	Korelasi antara ciri personal ibu dengan kefungsian keluarga	102
4.9	Korelasi antara ciri personal anak dengan kefungsian keluarga	105
4.10	Korelasi antara faktor sosio-budaya dengan kefungsian keluarga	107
4.11	Model regresi ke atas kefungsian keluarga di kalangan keluarga berisiko yang mempunyai remaja resilien	110
4.12	Prediktor kefungsian keluarga di kalangan keluarga berisiko yang mempunyai remaja resilien	111
4.13	Rumusan hasil kajian mengikut hipotesis nul kajian	112



SENARAI RAJAH

Rajah		Mukasurat
1.1	Model prediktor kefungsian keluarga berisiko yang mempunyai anak remaja resilien	18
3.1	Kaedah persampelan	43
3.2	Histogram kefungsian keluarga berisiko	59
3.3	Histogram kualiti tingkahlaku keibubapaan ibu	60
3.4	Histogram kepuasan perkahwinan ibu	60
3.5	Histogram kemahiran pengurusan konflik	61
3.6	Plot <i>stem dan leaf</i> bagi kefungsian keluarga	63
3.7	Plot <i>stem dan leaf</i> bagi kualiti tingkahlaku keibubapaan ibu	64
3.8	Plot <i>stem dan leaf</i> bagi kepuasan perkahwinan	65
3.9	Plot <i>stem dan leaf</i> bagi kemahiran pengurusan konflik	66
3.10	Plot taburan normal kefungsian keluarga	68
3.11	Plot taburan normal kualiti tingkahlaku keibubapaan ibu	68
3.12	Plot taburan normal kepuasan perkahwinan ibu	69
3.13	Plot taburan normal kemahiran pengurusan konflik	70
3.14	Plot <i>detrended</i> normal kefungsian keluarga	71
3.15	Plot <i>detrended</i> normal kualiti tingkahlaku keibubapaan ibu	72
3.16	Plot <i>detrended</i> normal kepuasan perkahwinan	73



3.17	Plot <i>detrended</i> normal kemahiran pengurusan konflik	74
4.1	Umur anak yang dikaji	83
4.2	Jantina anak yang dikaji	84
4.3	Aturan kelahiran anak	84



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Menghadapi abad ke-21, masyarakat Malaysia membuktikan kemampuan bersaing dengan negara-negara maju. Taraf kehidupan rakyat Malaysia pada era Koridor Raya Multimedia (MSC) adalah jauh lebih baik berbanding dengan Malaysia pada tahun 1970-an. Berdasarkan laporan Indeks Pembangunan Manusia 2001 yang disediakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Malaysia menduduki tempat ke-56 atau berada di kelas sederhana dengan bacaan indeks 0.774 mengatasi kedudukan negara jiran seperti Thailand (tangga ke-66) dan Indonesia (102) (sumber: *Human Development Report Office*). Indeks Pembangunan Manusia adalah berdasarkan jangka hayat penduduk di sesebuah negara, kadar celik huruf di kalangan warga dewasa dan tahap pendidikan yang diterima serta Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Selain dari itu, kadar kemiskinan di negara ini berjaya dikurangkan daripada 6.1% pada

tahun 1997 kepada 5.5% pada tahun 2000 hasil daripada Rancangan Malaysia ke-7 (sumber: Laporan Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh). Walau bagaimanapun, laporan tersebut juga mendapati jumlah isi rumah termiskin seluruh Malaysia pada tahun 2000 ialah sebanyak 276,000 orang iaitu 53,200 di bandar dan 222,800 di luar bandar. Ini menggambarkan sungguhpun Malaysia berada dalam evolusi kemajuan, masih terdapat penduduk yang masih ketinggalan dari segi sosio-ekonomi. Keadaan ini boleh dikatakan kritikal kerana kebanyakan keluarga yang gagal berdaya saing dalam arus pembangunan negara adalah disebabkan terdapatnya faktor risiko dalam keluarga.

Faktor risiko bermaksud keadaan atau variabel yang memberi kesan negatif kepada kesihatan, kesejahteraan atau perlakuan sosial setiap ahli keluarga. Pengkaji terdahulu telah mengenalpasti beberapa variabel yang merupakan domain dalam faktor risiko keluarga seperti kemiskinan (Stern, Smith dan Jang, 1999; Gordon, 1998; De Haan, 1998; Rak dan Patterson, 1996), masalah keluarga, masalah tingkahlaku keibubapaan, konflik ibubapa (Hoge dan Andrews, 1996), saiz keluarga yang besar, ketidakstabilan dan pergolakan dalam keluarga, jenayah dan penderaan, penyalahgunaan dadah, bilangan adik-beradik yang ramai, ibubapa berpenyakit mental, ibubapa kurang pendidikan (Rak dan Patterson, 1996), pekerjaan yang tidak stabil

(Kinnunen & Pulkkinen, 1998) dan struktur keluarga tidak lengkap (Rozumah, Siti Nor, Abdullah Al-Hadi, Rojanah, Aidah & Koh, 1999). Keciciran keluarga berisiko memberi implikasi besar kepada negara pada masa akan datang kerana ia merupakan sistem-mikro generasi yang akan mewarisi kepimpinan negara.

Kesan daripada modenisasi dan globalisasi memudahkan kemasukan budaya hedonisme dari Barat. Remaja yang lemah mudah terjerumus ke arah perlakuan negatif seperti *black metal*, *hip-hop*, *ranggi*, *punk* dan aktiviti delinkuen. Sehubungan itu, peranan keluarga terutama ibu bapa sebagai agen sosialisasi primer adalah amat dituntut dalam pembentukan sahsiah diri remaja. Menurut Shek (1997) keluarga memainkan peranan penting dalam mempengaruhi penyesuaian psikososial dan kesihatan mental remaja. Kajian di peringkat tempatan (Rozumah et al., 1999) dan Barat (Hartos & Power, 1997; Stern, Smith & Jang, 1999) menunjukkan keluarga yang gagal mengadaptasi dan menangani faktor berisiko yang wujud, mengakibatkan ramai anak-anak dari keluarga yang berisiko berundur kepada perlakuan devian dan cara kehidupan antisosial yang lain kerana tidak mampu menangani tekanan fizikal dan psikologikal. Model fenomena salah laku pelajar sekolah menengah di Malaysia yang telah direkabentuk oleh Rozumah, Asnarulkhadi, Rumaya, Abdullah Al-Hadi, Mansor, Amna dan Tan (2001) juga meletakkan keluarga sebagai salah satu faktor

pelajar melakukan salahlaku. Model tersebut adalah konsisten dengan hasil kajian Sabitha dan Mahmood (1995). Mereka mendapati keadaan keluarga yang tidak stabil boleh mengakibatkan tekanan emosi di kalangan remaja. Menurut Vickers (1994) keluarga berisiko mempunyai tahap kefungsiian (kejelekitan dan penyesuaian) yang rendah berbanding keluarga tidak berisiko. Kajian Stern, Smith dan Jang (1999) juga menunjukkan ibu bapa yang menghadapi tekanan ekonomi, gagal menjalankan fungsinya dengan baik.

Daripada perspektif Ekologi Pembangunan Manusia, keluarga merupakan agen sistem-mikro yang berupaya mempengaruhi perkembangan individu (Bronfenbrenner, 1979). Keluarga ditakrifkan sebagai sekumpulan individu yang berkongsi matlamat dengan memberi komitmen dan sumber secara berterusan serta tinggal bersama (Paolucci, 1980). Proses keluarga dan sumber yang ada di dalamnya mampu mempengaruhi perkembangan mental, emosi dan kognitif anak. Proses keluarga merujuk kepada sifat dan kualiti terhadap dinamik keluarga serta perhubungan seperti sokongan keibubapaan dan konflik keluarga (Salem, Zimmer & Notaro, 1998).

Gordon (1998) dalam kajiannya mendapati kehidupan dalam suasana kemiskinan dan tekanan seperti pengalaman terhadap kematian salah seorang ahli keluarga, jenayah, keganasan, penderaan dan malnutrisi

adalah sesuatu yang amat menyukarkan. Secara teorinya, kegagalan untuk mencapai kepuasan diri akan menambahkan risiko dalam masalah penyesuaian seperti kemurungan atau tingkahlaku antisosial. Walau bagaimanapun, masih terdapat segelintir anak yang dibesarkan dalam suasana tersebut berjaya dalam kehidupan.

Tinjauan literatur menunjukkan tidak semua anak dalam keluarga berisiko mengalami kemunduran dalam kehidupan (contoh: Shumow, Vandell & Porner, 1999; Franco & Levitt, 1998; Fagen & Cowen, 1996; Gordon, 1996; Rumaya, Rozumah & Rojanah, 2000). Kebanyakan dapatan terdahulu membuktikan individu yang dibesarkan dalam ekologi keluarga berisiko berupaya memperoleh kejayaan samada dalam akademik mahupun bukan akademik. Ini disebabkan ciri-ciri resiliensi yang dimiliki individu tersebut membantunya memantulkan diri daripada trauma, tekanan fizikal dan psikologikal (Bushweller, 1995; Werner, 1992).

Faktor ciri personal ibu bapa seperti status perkahwinan ibu bapa dan pendapatan serta faktor kefungsiian keluarga juga mempunyai perkaitan yang signifikan dengan konsep sendiri remaja (Mandara & Murray, 2000). Menurut Mandara dan Murray, remaja yang tinggal dalam keluarga lengkap mempunyai konsep sendiri yang lebih tinggi berbanding remaja yang berasal dari keluarga induk tunggal.

Tinjauan literatur menunjukkan keluarga amat berkait rapat dengan perkembangan resilien anak (Howard & Johnson, 2000; Shek, 1997; Marjoribanks, 1996; Gore & Eckenrode, 1994; Werner & Smith, 1982). Mereka mendapati dalam persekitaran mikro seseorang, keluarga merupakan faktor penghalang utama terhadap faktor risiko selain daripada sekolah dan komuniti. Keluarga yang dapat menjalankan fungsinya dengan lebih baik, membantu merangsang perkembangan resiliensi anak.

Persoalan asas kajian ini adalah bagaimanakah tahap kefungsian keluarga berisiko yang mempunyai anak remaja resilien? Kajian ini merupakan lanjutan (*extension*) daripada bertajuk 'Ekologi Keluarga Berisiko: Proses Interaksi dan Perkembangan Resiliensi Anak' oleh Rumaya, Rozumah dan Rojanah (2000). Kajian tersebut adalah kajian IRPA (*Intensification Research for Priority Areas*) yang dibiayai oleh Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar. Kajian yang dijalankan ini bertujuan menganalisis faktor yang dijangka menyumbang secara unik kefungsian keluarga tersebut. Pendekatan 'exploratori' telah digunakan dengan menganalisis data secara kuantitatif dan kualitatif. Hasil kajian dijangka memperkayakan maklumat empiris dan usaha merancang intervensi bagi membangkitkan resiliensi remaja di kalangan keluarga berisiko.